

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

**KERAJAAN NEGERI PERLIS**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN BANGUNAN  
 SERTA KAWASAN DI KOMPEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA KANGAR PERLIS**

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **Perkhidmatan Mencuci Bangunan dan Membersihkan Kawasan** di bawah **Kepala** dan **Sub Kepala 221001(Pembersihan Bangunan Dan Pejabat), 221002 (Membersihkan Kawasan) dan 221003 (Mengangkat Sampah)** yang masih sah dan berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.
2. Sebut harga ini adalah bagi tempat berikut seperti jadual di bawah:

Bil.	NAMA TEMPAT	TEMPOH KONTRAK	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP, MASA DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
1.	KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA, 01000 KANGAR, PERLIS	01 JANUARI 2018 HINGGA 31 DISEMBER 2018 (1 TAHUN)	TARIKH: 6 DISEMBER 2017 (RABU)  PENDAFTARAN: 9.00 PAGI – 9.30 PAGI.  TEMPAT: BILIK GERAKAN 1, KOMPLEKS DEWAN UNDANGAN NEGERI  *DIWAJIBKAN	MELALUI:- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  BORANG DIEDARKAN SECARA PERCUMA PADA HARI TAKLIMAT	TARIKH TUTUP: 11 DISEMBER 2017 (ISNIN)  MASA: 12.00 TENGAHARI  TEMPAT: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, ARAS 1 KOMPLEKS DEWAN UNDANGAN NEGERI, 01000 KANGAR

3. Semasa taklimat, penyebutharga hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL**(untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT**(tidak dikembalikan) dokumen-dokumen berikut:
  - a. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan; dan
  - b. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan.
4. Setiap penyebutharga adalah **DIWAJIBKAN HADIR UNTUK TAKLIMAT SEBUTHARGA. PEMILIK SYARIKAT YANG SAH** Sahaja dibenarkan untuk menghadiri taklimat. **Wakil syarikat adalah tidak dibenarkan.**
5. **Dokumen Sebutharga** hendaklah dihantar sebelum atau pada tarikh tutup sebutharga seperti yang di atas bersama dokumen sokongan yang lain dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang dilakri serta dicatatkan Nombor Sebutharga SUKPs.11(S)/2017 ( ) pada penjuru atas sebelah kiri sampul surat. Sampul surat tersebut perlu dimasukkan ke dalam peti sebutharga dan di alamatkan kepada :

**Nombor Sebutharga: SUKPs.11(S)/2017 ( )**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN BANGUNAN SERTA KAWASAN DI KOMPLEKS SUKAN TUANKU SYED PUTRA DI BAWAH PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS.**

- **Tawaran sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga selewat-lewatnya Pada tarikh tutup sebutharga jam 12.00 tengah hari pada atau sebelum 11 Disember 2017 (Isnin).**
6. Tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
    - a. Penyebut harga **LEWAT** mengemukakan tawaran sebutharga
    - b. Penyebut harga **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender; dan
    - c. Penyebut harga **GAGAL** menghadiri lawatan tapak
  7. Di antara **KRITERIA UTAMA** yang akan diberikan pertimbangan adalah penyebut harga seperti berikut:
    - a. Penyebut harga mempunyai keupayaan pembiayaan kewangan untuk menampung kos operasi bersamaan (1) bulan tuntutan bulanan kontrak; dan
    - b. Penyebut harga berdaftar dalam negeri berkenaan.

8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.
9. Iklan sebutharga ini juga boleh dirujuk di laman web Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis di alamat berikut: <http://www.perlis.gov.my>
10. Penyebut harga dinasihatkan supaya berhubung melalui surat atau emel kepada alamat di bawah jika memerlukan penjelasan lanjut berkenaan sebutharga ini sebelum tamat tempoh penyerahan tawaran sebutharga ini:

**Urusetia Sebutharga/ spesifikasi  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Aras 1, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
Kompleks Dewan Undangan Negeri  
01000 Kangar  
04-9738920 / shafarina@perlis.gov.my**

**Urusetia Spesifikasi  
Majlis Sukan Negeri  
Kompleks Sukan Negeri Perlis  
Jalan Kg Pondok  
01000 Kangar  
04-9771788 / rita@perlis.gov.my**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS  
NO. SEBUT HARGA: SUKPs.11(S)/2017**

**KENYATAAN AM SEBUTHARGA**

1. Sebutharga ini dibuka kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia **yang masih sah tempohnya sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** dibawah **kod bidang 221001, 221002 dan 221003** seperti di **Lampiran A**.
2. Sebutharga ini ditutup **pada 11 Disember 2017 (Isnin) Jam 12.00 Tengahari**.
3. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras 1, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Dewan Undangan Negeri, 01000 Kangar**.
4. Sebutharga yang lewat dihantar tidak akan diterima/dilayan. Pejabat ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung.
5. Semua keterangan mengenai Sebutharga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
6. Semua penyebut harga **DIWAJIBKAN** hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan pada:

**Tarikh : 6 Disember 2017 (Rabu)**  
**Masa : 9.00 pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Gerakan 1**  
**Aras 3, Kompleks DUN**

7. Penyebut harga yang gagal menyertai taklimat tidak akan dipertimbangkan sebutharganya.

8. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan melalui surat tawaran selewatnya sebelum tujuh (7) hari daripada bermulanya kontrak. Sekiranya penyebut harga tidak menerima sebarang makluman dalam tempoh dua (2) bulan dari sebut harga ini dinotiskan, penyebut harga tersebut dianggap tidak Berjaya.
9. Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebutharga. Penyebut harga perlu mengemukakan brosur, catalog atau bahan bercetak lain.